

MAJLIS PERJUMPAAN PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI PULAU PINANG
16/06/2012

Saudari Pengacara Majlis,

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam
Menteri Sumber Manusia

YB Tan Sri Nor Yakcop
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YB Senator Dato' Maznah binti Mazlan
Timbalan Menteri Sumber Manusia

YB Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia

YBerusaha Tuan Mohd Khalid Atan
Presiden
Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Negeri Pulau Pinang telah terkenal sebagai sebuah negeri perindustrian utama Negara semenjak sekian lama, terutamanya ketika dibawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional. Status negeri perindustrian ini, bukannya dicapai sejak tahun 2008, kerana membina sebuah persekitaran perindustrian, perniagaan dan sosial yang kondusif memerlukan penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar dan program yang menyeluruh serta mengambil masa panjang untuk menjadi terbaik.
2. Dasar-dasar dan perancangan Kerajaan BN dan Persekutuan yang dibina semenjak dahulu sememangnya bertujuan meningkatkan pertumbuhan ekonomi, pelaburan, dan pekerjaan. Oleh kerana itu, Kerajaan BN yang mentadbir negeri Pulau Pinang telah meletakkan landasan asas yang kukuh dan menyeluruh bagi pencapaian dan kemajuan masa depan yang berpanjangan.
3. Antara pelaksanaan kerangka utama dan pembangunan prasarana yang diasas oleh Kerajaan negeri BN dan Persekutuan, dan yang telah hasilkan persekitaran yang maju, kondusif, serta terus melonjakkan pembangunan Pulau Pinang sebagai destinasi penting perindustrian negara:

Dasar Perindustrian Utama

- Akta 'Free Trade Zone' 1971;
- Akta 'Promotion of Investment' 1986;

Pembangunan Insfrastruktur Utama

- Lapangan Terbang Bayan Lepas dinaik taraf peringkat antarabangsa pada tahun 1977, dibesarkan pada tahun 2000 dan masa kini sedang diperbesarkan lagi;
- Pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan pada tahun 1994, dan Lebuhraya Butterworth-Kulim tahun 1996.
- Jambatan Pulau Pinang dibina tahun 1985 yang merubah secara signifikan tahap ekonomi dan kehidupan sosial Rakyat Pulau Pinang.
- Pembinaan jambatan ke-2 (kos pembinaan bernilai RM4.5 bilion) adalah hasrat Kerajaan Persekutuan untuk memakmurkan janji kepada Rakyat disini bagi terus meningkatkan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup.

4. Bagi melengkapkan perancangan dan pelaksanaan akta dan prasarana, Kerajaan turut memberi tumpuan khusus kepada pembangunan modal insan di Pulau Pinang. Sehingga kini, tenaga kerja Pulau Pinang adalah antara yang terbaik, berpengalaman, berkemahiran dan berkualiti hasil dari pelbagai pelaburan program pembangunan kemahiran Kerajaan.

5. Kombinasi perancangan dan pelaksanaan agenda pembangunan yang berkualiti dan mampan bersama kelebihan keupayaan tenaga kerja khususnya sektor industri di Pulau Pinang merupakan formula berkesan kepada pencapaian negeri Pulau Mutiara, dan ini dibuktikan pada tempoh waktu:

- 1980an tarikan pelaburan adalah sebanyak RM4 bilion;
- 1990an meningkat 5 kali ganda kepada RM20 bilion; dan
- antara tahun 2000-2008, meningkat dua kali ganda lagi kepada RM40 bilion.

6. Oleh itu, pencapaian semasa negeri Pulau Pinang merupakan kesinambungan dari pencapaian lalu, dan manfaatnya adalah hasil dari landasan kukuh yang dibina dari usaha agresif dan berterusan Kerajaan negeri BN terdahulu, disamping keupayaan pekerja-pekerja industri yang mencorak pencapaian utama negeri khususnya:

- Pertumbuhan KDNK kedua tertinggi di dalam Negara iaitu 10%
- Kedudukan pelaburan asing Pulau Pinang yang meningkat dan menggalakkan berjumlah RM2.3 bilion bagi tempoh sehingga April 2012 (Tahun 2011: RM9.1 bilion);
- Kadar pengangguran sebanyak 1.8% iaitu lebih rendah daripada kadar pengangguran negara iaitu 3.3% dalam tahun 2011.

7. Kerajaan Persekutuan hari ini, walaupun tidak mentadbir negeri Pulau Pinang, tetap komited meneruskan program-program yang menggalakkan Pulau Pinang sebagai status negeri perindustrian. Ini terbukti dengan komitmen dan pelaksanaan menaik-taraf prasarana perindustrian bertujuan membantu Kerajaan Negeri menaik taraf infrastruktur ada di kawasan perindustrian yang sedia ada.

8. Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah memperuntukan RM337.8 juta dibawah RMK-9 bagi menaiktaraf prasarana perindustrian seluruh Malaysia. Dari jumlah ini, sebanyak RM79.36 juta (23 peratus) disalur kepada Pulau Pinang dan kesemua 8 projek menaik tarak infrastruktur asas tersebut telah siap dilaksanakan.

9. Di bawah RMK 10, sehingga tahun 2012, sejumlah RM7.3 juta diperuntukan bagi program naik taraf infrastruktur asas Pulau Pinang.

10. Atas track record cemerlang, komitmen dan janji ditepati yang berterusan semenjak sekian lama seperti ini, Pulau Pinang sejak dulu lagi merupakan destinasi pilihan bagi syarikat tersohor dunia dan tempatan yang berimpak tinggi untuk bertapak atau mengembangkan operasi.

11. Antara projek-projek berimpak tinggi yang telah berjaya dibawa oleh Kerajaan Persekutuan hari ini ke Pulau Pinang, melalui usaha dan komitmen yang diterajui oleh MITI dan MIDA, adalah Advanced Micro Devices Export (AMD); Western Digital; Robert Bosch (Penang); Intel Group; Agilent Technologies Microwave Products; Phillips Lumileds Lighting; Symmetry Medical Malaysia; St Jude Medical Operations (M); dan Ann Joo Steel.

12. Jumlah keseluruhan pelaburan terkumpul yang dibawa masuk oleh syarikat-syarikat ini semenjak beroperasi melebihi RM15 bilion, dan menjana lebih kurang 12,000 peluang pekerjaan dipelbagai peringkat.

13. Tanpa modal insan yang efektif untuk menggerakkan sektor perniagaan dan industri, segala bentuk dasar dan sistem terbaik bagi mempromosi Pulau Pinang sebagai negeri perindustrian, tidak akan dapat direalisasikan dengan jayanya. Dan untuk membentuk tenaga kerja yang berkualiti, dan berkemahiran, Kerajaan BN negeri terdahulu telah menyediakan pelbagai kemudahan dan institut-institut latihan seperti Penang Skills Development Center (PSDC), Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas, Institut Latihan Perindustrian Perai dan Institut Teknologi Jerman-Malaysia bagi melengkapkan perkerja-pekerja dengan pelbagai kemahiran khusus dan seterusnya memanfaatkan peluang pekerjaan yang disediakan oleh syarikat-syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang.

Pembangunan Modal Insan

14. Pada tahun 2011, pekerja di Pulau Pinang berjumlah 751,700 orang berbanding 689,800 pada tahun 2009. Ini menunjukkan banyak peluang-peluang pekerjaan diwujudkan hasil pembangunan dan perkembangan industri di Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya.

15. Sehubungan ini, Kerajaan terus berusaha melahirkan modal insan berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri melalui program latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi meningkatkan produktiviti pekerja, peningkatan nilai tambah dan daya saing syarikat di pasaran domestik dan antarabangsa.

16. Bagi tempoh 2008-2011, Kerajaan Malaysia, melalui pelbagai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, telah memperuntukkan sejumlah RM91.7 juta bagi membiayai dan melaksana pelbagai program latihan yang melibatkan peningkatan keupayaan kemahiran bagi meningkatkan kualiti tenaga kerja, khususnya pekerja industri di Pulau Pinang.

17. Agensi-agensi khusus yang ditubuhkan oleh Kerajaan berkaitan pembangunan wilayah utara seperti Penang Skills Development Center (PSDC) dan Northern Corridor Implementation Agency (NCIA) sehingga kini telah memperuntukan sebanyak RM95.1 juta bagi menyediakan program-program membangun keupayaan dan kemahiran modal insan di Pulau Pinang.

18. Selain itu, Kerajaan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah menggalakkan majikan berterusan melatih pekerja melalui penggunaan Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Bagi tempoh tahun 2008 sehingga 31 Mei 2012 sebanyak 358,863 kursus telah dijalankan oleh majikan-majikan di Pulau Pinang melibatkan 385,956 orang pelatih dengan peruntukan kewangan sebanyak RM176.80 juta.

Hadirin Sekalian,

19. Bagi jaringan keselamatan pekerja-pekerja, Kerajaan melalui PERKESO telah membelanjakan sejumlah RM145.14 bilion bagi membiayai bayaran keseluruhan faedah bagi pekerja-pekerja di Pulau Pinang pada tahun 2008 hingga 2011 dengan sejumlah 75,672 kes.

20. Mulai 1 Januari 2012, PERKESO telah menaikkan kadar pencen minimum di bawah Skim Pencen Ilat daripada RM250.00 kepada RM475.00 sebulan. Dengan kenaikan itu, seramai 56,399 orang penerima di seluruh negara telah menikmati kenaikan kadar pencen minimum bagi tempoh Januari hingga Mac 2012. Kerajaan melaksana kenaikan kadar pencen minimum ini bertujuan untuk membantu meringankan beban penerima pencen dalam menghadapi kos sara hidup masa kini yang semakin meningkat.

21. Kerajaan turut membuat penambahbaikan juga dibuat kepada kaedah taksiran Hilangupaya dibawah Skim Pencen Ilat berkuat kuasa 1 Jun 2012. Kerajaan telah menyediakan Manual Panduan bagi Taksiran Hilangupaya Berdasarkan Pekerjaan di bawah skim PERKESO bagi memutuskan soal keilatan. Melalui pendekatan ini lebih ramai pencarum PERKESO akan menerima faedah-faedah yang disediakan sama ada bayaran pencen ataupun kemudahan pemulihan.

22. Oleh itu, amat jelas Kerajaan hari ini mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja di Pulau Pinang yang banyak berkorban bagi membantu pertumbuhan ekonomi Negara.

23. Pada masa yang sama, saya lihat tuan-tuan dan puan-puan juga bersemangat tinggi, seiring dan senada memahami hasrat Kerajaan Persekutuan yang inginkan transformasi ekonomi di negeri Pulau Pinang yang memberi manfaat besar khususnya kepada pekerja-pekerja industri, juga dinikmati oleh suami, isteri, anak-anak, ahli keluarga dan saudara mara masing-masing.

24. Saya bangga kerana pengorbanan dan peranan berkesan oleh pekerja-pekerja industri, di Pulau Pinang, telah memberi impak besar kepada Program-program Transformasi yang digubal khususnya Program GTP dan ETP.

25. Samada disedari ataupun tidak, saya ingin nyatakan dengan rasa bangga bahawa Tuan-tuan dan Puan-puan, telah membantu Malaysia mencapai banyak kejayaan amat bermakna diperingkat nasional dan antarabangsa, antaranya seperti berikut:

Pencapaian Dalam Negara:

- Pelaburan Sektor Swasta Negara meningkat kepada RM94 bilion pada tahun 2011, meningkat 19.4% dari 2010.
- Pelaburan asing (FDI) meningkat kepada RM32.9 bilion, peningkatan sebanyak 12.3% dari RM29.3 bilion pada tahun sebelumnya.
- Kemajuan ETP pada tahun 2011 menghasilkan 110 projek dilancarkan dengan potensi pelaburan sebanyak RM179.2 bilion.
- Pungutan Hasil Pendapatan (Tahun 2011) Tertinggi dalam sejarah negara sebanyak RM100 bilion.

Pencapaian Global/Antarabangsa

- Laporan Indeks Keamanan Global (GPI) tahun 2011 telah mengiktiraf Malaysia sebagai Negara terselamat di Asia Tenggara, dan ke-19 di dunia. Meningkatkan keyakinan pelabur terhadap persekitaran perniagaan yang kondusif.
- Pengiktiran antarabangsa dari AT Kearney 2011 FDI Confidence Index aliran pelaburan masuk meningkat lebih 5 kali ganda (537 %) kepada US9 bilion (RM27 bilion) pada tahun 2010. Pencapaian ini sahaja telah melangkaui pencapaian 2011.
- Malaysia mengikut Laporan Doing Business 2012 oleh Bank Dunia meningkat ke kedudukan 18 terbaik dunia dari 183 buah Negara (5 anak tangga dari posisi ke 23 tahun 2010). Malaysia di hadapan Jerman, Jepun, Taiwan, dan Switzerland.
- Institute for Management Development's (IMD) World Competitiveness Yearbook (WCY) 2012 survey, yang menilai pengurusan ekonomi dan sumber manusia bagi peningkatan kekayaan negara, telah menyenarai Malaysia di tangga ke 14 dari 59 buah Negara.
 - Naik 2 anak tangga dari kedudukan ke 16;
 - Peningkatan dicatat dalam kategori kecekapan bisness (business efficiency) kedudukan ke-6 dari yang ke-14.
 - Peningkatan dicatat dalam kategori kecekapan pentadbiran Kerajaan (government efficiency) kedudukan ke-13 dari yang ke-17.

– Mengenai persaingan global, Global Competitiveness Report telah menyenaraikan Malaysia sebagai:

⊗ Ke-2 terbaik di kalangan Negara ASEAN,

⊗ Ke-6 terbaik di Asia Pasifik; dan

⊗ Ke-21 dari 142 di seluruh Negara (naik lima anak tangga dari tahun sebelumnya).

26. Hasil dari pencapaian-pencapaian ekonomi, Kerajaan berupaya melaksana strategi bagi meningkatkan kebajikan, kesejahteraan dan kesejahteraan hidup Rakyat terutamanya kebajikan

pekerja-pekerja di Malaysia, tanpa mengira latar-belakang dan penyertaan sektor ekonomi.

27. Program meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan Rakyat ini yang dikenali program 'touch points' Kerajaan Persekutuan merangkumi:

(i) BR1M (Bantuan Rakyat 1 Malaysia): Peruntukan berjumlah RM2.6 bilion kepada hampir 4 juta isi rumah seluruh Negara. Sehingga Mei 2012, jumlah penerima di Pulau Pinang melebihi 240,000 isirumah (Jumlah RM120 juta)

Kemungkinan BR1M2 akan menyusul, sekiranya semua keadaan termasuk suasana politik dan ekonomi mengizinkan.

(ii) SARA 1Malaysia (Skim Amanah Rakyat 1Malaysia): Peruntukan berjumlah RM500 juta.

(iii) Bantuan Baucer Buku 1Malaysia (BB1M): Melibatkan jumlah penuntut seramai 1.3 juta, dan peruntukan berjumlah RM260 juta.

(iv) Bantuan Persekolahan RM100 kepada Anak-anak di sekolah Rendah dan Menengah seluruh Malaysia

- Jumlah terlibat 5.3 juta anak-anak
- Peruntukan berjumlah RM530 juta

(v) Klinik 1Malaysia (Yuran RM1; dan Percuma bagi warga emas)

(vi) KR1M (Kedai Rakyat 1Malaysia). Keperluan harian pengguna pada harga sehingga 40% lebih rendah.

28. Selain dari manfaat yang disediakan oleh Kerajaan dibawah agenda transformasi 1Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional, semenjak dahulu, turut menyediakan peruntukan subsidi bagi barangan asas harian khususnya Gula, Tepung Gandum, Minyak Masak, Beras, Gas dan Minyak.

29. Peruntukan subsidi Kerajaan barangan asas bagi membantu meringankan kos sara hidup Rakyat pada tahun 2011 adalah sebanyak RM22.54 bilion, meningkat sebanyak lebih RM11 bilion atau 98.8 peratus, dari tahun 2010 yang berjumlah RM11.34 bilion.

30. Saya mengambil kesempatan ini mengulangi hasil persekitaran perniagaan yang kondusif dan perkembangan industri yang menggalakkan di Pulau Pinang ini bermula sejak sekian lama hasil komitmen dan perancangan teliti Kerajaan BN memastikan prestasi positif ekonomi negeri, dan seterusnya bertujuan melonjakkan kebajikan dan tahap kesejahteraan pekerja-pekerja industri, iaitu tuan-tuan dan puan-puan.

31. Saya turut mengambil kesempatan ini menekankan bahawa Kerajaan Barisan Nasional mempunyai rekod cemerlang menyokong dan bekerjasama dengan majikan dan pelbagai peringkat pekerja di Malaysia.

32. Dengan perancangan agenda pembangunan negara yang kukuh, saya berharap anda semua akan terus bersama Kerajaan Barisan Nasional untuk sama-sama berganding bahu melaksana dan menjayakan agenda pembangunan negara ini yang dapat menjana faedah besar dari segi pendapatan, pekerjaan dan persekitaran kerja yang lebih baik bagi setiap pekerja, dan juga generasi kita masa hadapan.

33. Saya mengucapkan selamat maju jaya, dan semoga setiap pengorbanan kita disusuli dengan komitmen dan keikhlasan bagi memperkasa negara Malaysia yang kita cintai ke tahap yang lebih cemerlang lagi.

Sekian, Wassalamu'alaikum WBT